



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

SURAT ARAHAN PENGARAH INSTUN BILANGAN 4 TAHUN 2008

**TATACARA PENGENDALIAN KURSUS DALAM DAN LUAR
PERANCANGAN PROGRAM LATIHAN**

TUJUAN

1. Surat Arahkan Pengarah INSTUN ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai tatacara pelaksanaan kursus dalam dan luar perancangan program latihan tahunan INSTUN oleh Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, Bahagian Ukur dan Pemetaan serta Bahagian Teknologi Maklumat.

LATAR BELAKANG

2. Surat Arahkan ini disediakan berikutan keputusan Mesyuarat Pemantauan Program Latihan INSTUN (MPPLI) Bil.4/2007 bertarikh 31 Mei 2007 dan Bil.5/2007 bertarikh 18 Disember 2007. Mesyuarat memutuskan supaya satu garis panduan dalam pengendalian kursus dalam dan luar perancangan program latihan tahunan INSTUN diseragamkan diantara semua Bahagian yang berkaitan supaya tidak berlaku kekeliruan dalam pelaksanaan program latihan di INSTUN.

TAFSIRAN

3. "**Buku Program Latihan**" adalah satu dokumen yang diterbitkan oleh INSTUN dan mengandungi maklumat seperti kod kursus, nama kursus, kumpulan sasaran, tarikh/tempoh kursus, bilangan/sasaran peserta, tempat, objektif, kandungan, ringkasan kandungan kursus dan metodologi.

4. "**Jadual/Aturcara Kursus**" adalah satu bentuk dokumen yang lengkap dan komprehensif yang merangkumi tarikh, masa, nama modul, penceramah dan aktiviti yang berkaitan untuk kegunaan peserta sepanjang tempoh kursus diadakan.

5. "**Tenaga Pengajar**" adalah seseorang yang mampu memindahkan ilmu pengetahuan secara tersusun dan berstruktur bertujuan menambahkan pengetahuan dan kemahiran kepada seseorang yang lain.

6. "**Sasaran Kerja Tahunan**" dalam konteks ini bermaksud perancangan awal yang telah ditetapkan dalam buku program latihan untuk individu atau bahagian yang berkaitan dengan kursus.

7. “Khidmat Tenaga Pengajar” adalah bermaksud tenaga pengajar INSTUN yang dijemput oleh agensi/jabatan kerajaan atau swasta untuk memberi ceramah yang diluar perancangan buku program latihan (luar SKT).

KURSUS ANJURAN LUAR

Maksud

8. Tenaga pengajar INSTUN memberikan khidmat ceramah diluar dan kursus ini bukan anjuran INSTUN. Kursus-kursus ini juga tidak disenaraikan dalam buku program latihan tahunan (luar SKT).

Prosedur yang perlu dipatuhi

9. Sijil kehadiran kursus tidak boleh dikeluarkan oleh INSTUN dan pihak penganjur bertanggungjawab dalam mengeluarkan sijil.

10. Slot ceramah ini tidak boleh dimasukkan dalam laporan pencapaian pelaksanaan program latihan INSTUN tetapi boleh dimasukkan dalam pencapaian SKT individu oleh tenaga pengajar.

11. Bayaran suguhati tenaga pengajar serta tuntutan perjalanan (TNT) hendaklah dibayar oleh pihak penganjur.

12. Nota kuliah/ceramah dalam bentuk *hardcopy* hendaklah disediakan oleh pihak penganjur. Tenaga pengajar INSTUN hanya perlu menghantar *softcopy* kepada pihak penganjur untuk dicetak.

KURSUS ANJURAN BERSAMA

Maksud

13. Kursus-kursus anjuran INSTUN bersama agensi kerajaan yang telah dijadualkan di dalam Buku Program Latihan INSTUN yang dilaksanakan sama ada di INSTUN ataupun di luar INSTUN.

Prosedur yang perlu dipatuhi

14. Kedua-dua pihak iaitu INSTUN dan penganjur hendaklah memastikan supaya dalam buku aturcara dan sijil kursus, perkataan ‘**anjuran bersama**’ digunakan.

15. Pihak INSTUN boleh mengeluarkan sijil kursus.

16. Kursus anjuran bersama ini boleh diambil kira dalam laporan pencapaian pelaksanaan program latihan INSTUN.

17. Nota kuliah/ceramah disediakan secara bersama-sama oleh kedua-dua pihak.

KURSUS LUAR PERANCANGAN (AD-HOC)

Maksud

18. “Kursus Luar Perancangan (*Ad-hoc*)” adalah kursus-kursus yang tidak disenaraikan dalam buku program latihan ataupun dalam jadual kursus tahunan tetapi perlu dilaksanakan atas keperluan tertentu.

Perkara yang perlu dipatuhi

19. Kursus-kursus *ad-hoc* ini boleh dilaksanakan oleh Bahagian-bahagian yang mengendalikan kursus dimana penambahan kursus tidak melebihi varian 10 % dari perancangan asal.

20. Bagi kursus-kursus yang dibatalkan untuk menggantikan kursus-kursus *adhoc* ini tidak boleh melebihi varian 10 % dari perancangan asal.

21. Sesuatu kursus yang hendak dirancang diluar SKT, pembatalan dan penangguhan kursus oleh Bahagian, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan Pengarah serta dimaklumkan dalam mesyuarat MPPLI.

22. Berdasarkan piagam pelanggan, setiap Bahagian harus melaksanakan tidak kurang 90 % daripada program latihan yang dirancang setiap tahun.

PELAKSANAAN


23. Semua Ketua Bahagian hendaklah memantau, menyelaras dan memastikan arahan ini dipatuhi dari masa ke semasa. Sebarang pertanyaan bolehlah dirujuk kepada Seksyen Perancangan dan Penilaian, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, INSTUN.

TARIKH KUAT KUASA

24. Surat Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MENDAHULUI CABARAN”



(HJ. ZAINAL ABIDIN BIN HJ. ARSHAD)

Pengarah

Institut Tanah dan Ukur Negara

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Tarikh: 23 Jun 2008

Semua Pegawai / Kakitangan INSTUN